

Benarkah Belia Kita Semakin Melampau?

Oleh Abd. Kadir Mohd. Ayub dan Muhamad Rafiq Abdul Rahman





Seluruh rakyat Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya perbuatan biadap ini dan menuntut hukuman setimpal dikenakan terhadap pelakunya.

Tanggal 31 Ogos 1957 merupakan tarikh keramat bagi Malaysia yang baru sahaja secara rasmi bebas daripada cengkaman penjajah yang bermaharajalela sejak sekian lama. Bukan mudah untuk mengecap kemerdekaan, banyak nyawa yang terkorban sama ada sebagai perwira mahupun rakyat biasa, serta banyak jiwa yang sengsara ekoran perginya orang yang tersayang.

Yang pastinya, tidak kira bangsa Melayu, Cina, dan India begitu teruja menyambut kemerdekaan pertama negara. Tepukan, tangisan, takbir, serta laungan merdeka mengiringi bendera Malaysia yang buat julung kalinya berkibar dengan megah di Stadium Merdeka.

Golongan muda pada masa itu pula antara yang menjadi nadi dan "tulang belakang" serta benteng utama untuk menjayakan misi mencapai kemerdekaan. Mereka antara ribuan rakyat yang turut sama dan megah berdiri di stadium bersejarah itu untuk melihat bendera Malaysia berkibar di udara tanda negara bebas daripada telunjuk penjajah.

Itulah senario yang berlaku pada 55 tahun yang lalu. Setelah negara dibina melalui kepemimpinan yang berjiwa Malaysia, disirami pelbagai kemajuan, merentasi dunia tanpa sempadan, serta pemikiran yang lebih terbuka, malangnya keadaan tersebut sudah berubah sekarang.

Laungan kemerdekaan yang meresap setiap tubuh rakyat Malaysia pada tahun 1957, tidak lagi dirasai oleh kira-kira 28 juta orang rakyat Malaysia. Ada yang mendakwa detik 31 Ogos tidak ubah seperti tarikh lain dalam kalender. Hal ini dikatakan demikian kerana semakin sukar untuk melihat individu yang beraspirasikan Malaysia, khususnya generasi muda mengibarkan bendera keramat, Jalur Gemilang di kediaman masing-masing, malah bersemangat untuk mengibarkannya.



Segelintir belia, bagaikan "hilang akal" tanpa menyedari tindakan mereka mencalar imej negara.

Persoalannya, adakah rakyat Malaysia sudah terlupe detik yang bersejarah tersebut? Atau terjemahan terhadap sambutan kemerdekaan sudah berubah?

Biadab dan melampau! Itulah reaksi yang ditunjukkan oleh masyarakat terhadap segolongan belia yang berwarganegara "Malaysia" ketika sambutan ulang tahun kemerdekaan negara pada malam 30 Ogos yang lalu. Perhimpunan "Janji Demokrasi" tersebut pada mulanya agak aman dan terkawal, tetapi menjadi kecoh apabila ada segelintir anak muda yang berjiwa radikal tanpa rasa bersalah memijak gambar Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak dan isterinya.

Yang paling menjengkelkan, detik yang sepatutnya diraikan dengan penuh kesyukuran dicemari oleh segelintir "tangan kotor" yang cuba mencampuradukkan politik dengan perpaduan negara. Keadaan ini lebih menyedihkan apabila golongan yang melakukannya ialah golongan yang menjadi harapan dan bakal mewarisi kesinambungan pemerintahan negara.

Kelompok belia yang bertindak seperti "hilang akal" itu secara tiba-tiba menjadikan gambar Perdana Menteri sebagai sasaran amukan tanpa bersebab. Ironinya, tindakan tersebut dirancang semasa sambutan

di ambang kemerdekaan negara. Banyak pihak berpendapat bahawa tindakan tersebut tidak lain tidak bukan bertujuan untuk mendapatkan publisiti murahan tanpa memikirkan kesan daripada perbuatan tersebut yang sedikit-sebanyak mencalar kan maruah negara.

Lebih menyedihkan, pada malam sambutan di ambang merdeka yang diraikan di Dataran Merdeka turut dicemari oleh tingkah laku segelintir golongan muda yang tanpa segan-silu berarak membawa bendera yang kononnya digelar "Sang Saka Malaya". Bendera tersebut mirip gabungan warna bendera Indonesia dan Singapura yang ketika ini diperintah secara republik.

Adakah mesej tersebut menandakan golongan muda sekarang ingin menukarkan corak pemerintahan demokrasi raja berperlembagaan kepada negara republik seperti kedua-dua buah negara berkenaan?

Jika ketika dahulu kita berbangga dengan sumbangan jasa yang dilakukan golongan muda ini, tetapi sekarang tingkah laku mereka semakin "sumbang". Malah "kuasa" golongan muda sekarang ini boleh menggugat ketenteraman yang telah lama tersimpul rapi. Amat menyedihkan apabila rakyat Malaysia terpaksa menyaksikan kelakuan segelintir pihak yang tidak

bermoral seperti itu yang sebelum ini berlaku di luar negara, tetapi kini berlaku di bumi bertuah, Malaysia. Ekoran tindakan melampau itu, sehingga artikel ini dihasilkan, sebanyak 164 laporan polis dibuat oleh persatuan dan badan bukan kerajaan yang menentang keras tindakan tersebut.

Malah tindakan tersebut turut mendapat reaksi daripada banyak pihak, antaranya termasuklah Persatuan Veteran Tentera Melayu (PVTM) Selangor, cawangan Hulu Selangor yang meluahkan kekecewaan dengan tindakan remaja dan pihak yang tidak bertanggungjawab mencetuskan insiden tersebut.

Pengerusi PVTM, Md. Kamaruzaman Kalil, 52 tahun, menjelaskan bahawa pihaknya meminta polis dan kerajaan menerusi Kementerian Dalam Negeri (KDN) agar segera menyasiat tindakan biadab pihak yang memijak gambar pemimpin, menakar bendera Jalur Gemilang serta menunjukkan punggung kepada gambar Perdana Menteri, dan isterinya.

Berlainan pula di negara maju, seperti Amerika Syarikat, meskipun majoriti golongan mudanya tidak suka akan cara pemerintahan presidennya, mereka tidak tergamak membakar atau cuba menakar bendera negara mereka. Mereka masih bijak dan hormat kepada presiden dan bendera mereka yang menjadi panji kebesaran negara.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010, belia di negara ini yang berumur dari 15 hingga 39 tahun berjumlah 12 015 700 orang, iaitu kira-kira 42.5 peratus daripada keseluruhan jumlah penduduk di negara ini yang dianggarkan berjumlah 28 250 500 orang.

Jumlah tersebut jelas menunjukkan bahawa sekiranya pemikiran, tingkah laku, tindakan, dan masalah yang ditimbulkan oleh golongan belia berterusan,

tidak mustahil negara boleh porak-peranda, seperti apa-apa yang dicituskan oleh belia di negara Timur Tengah yang sedang bergolok. Adakah kita ingin melihat negara ini menjadi porak-peranda disebabkan masalah yang ditimbulkan oleh segelintir individu?

Belia Lupa Roh Rukun Negara?
Thomas L. Friedman, dalam bukunya, *The World is Flat: A Brief History of the Globalized World in the 21st Century* (2006), menyatakan kekagumannya terhadap kelahiran generasi Zipi di seluruh dunia. Generasi ini berfikir luas dan sentiasa berada di tengah-tengah pusat maklumat dunia ekoran jaringan luas teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang memungkinkan sesiapa sahaja berhubung antara satu sama lain.

"Apabila mereka membincangkan sesuatu isu, sering kali isu tersebut dibawa menjadi masalah seجات dan dibincangkan oleh rakan sosial dan pengikut mereka di seluruh dunia secara kritis," tegas Friedman. Mereka tidak lagi berbicara dan berbincang tentang isu dalam kepompong mereka, tetapi menggunakan TMK untuk memastikan perbincangan melangkaui sempadan negara.


Menurut majalah berita mingguan India, *Outlook*, Zipi merupakan sekelompok pemuda India yang muncul sejak India terlibat dalam perdagangan global serta revolusi TMK yang berpusat di Bangalore. *Outlook* menggelarkan golongan ini sebagai "anak liberalisasi" dan mentakrifnya sebagai golongan muda yang tinggal di bandar dan pinggir bandar, berumur antara 15 hingga 25 tahun yang penuh semangat. Mereka juga mempunyai sikap yang mempesonakan, bercita-cita tinggi dan penuh dengan aspirasi.

Di Malaysia pula, setelah 55 tahun negara mencapai kemerdekaan,

generasi Zipi di negara ini semakin berkembang dan rangkaianannya merentas sampai ke ceruk desa. Tidak hairanlah anak muda sekarang lebih banyak menghabiskan masa dengan melayari internet untuk mendapatkan input terkini.

Namun, apabila belia tersalah tafsir dan mengikut tunjuk arah yang salah, tragedi yang berlaku pada malam merdeka yang lalu menjadi bukti yang menunjukkan contoh tingkah laku yang kurang sopan baik di mata masyarakat setempat mahupun negara jiran.

Menurut ahli Majlis Perundangan Belia Negara dan Ketua Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Sarjit S. Gill, kebanyakan belia



Dr. Sarjit S. Gill

sekarang kurang memahami dan menghayati Rukun Negara. Mereka kehilangan nilai murni dalam jiwa dan natijahnya dizahirkan menerusi tindakan melampau tersebut.

"Roh Rukun Negara semakin pudar dalam jiwa belia yang menyebabkan mereka hilang pertimbangan dan tercari-cari identiti dan jati diri," tegasnya.

Katanya, golongan belia pada zaman ini semakin tidak mengerti nilai dan simbol sesebuah negara terutama bendera. Sepatutnya bendera negara dijulung dan

diangkat setinggi-tinggi bukannya berarak dan mengibarkan bendera baharu seolah-olah memindahkan bendera terdahulu.

"Sepatutnya belia di negara ini bersatu padu dan memiliki arah tuju negara pada masa hadapan. Kelakuan sebegini hanya menyebabkan negara memandang rendah pada pertemuan negara ASEAN yang cemburu akan perpaduan yang terjalin sekian lama," katanya.

Menurutnya, setiap ahli politik sama ada yang prokerajaan atau pembangkang menunjukkan sikap yang positif terhadap isu berkaitan dengan kedaulatan negara. Ahli politik merupakan teladan bagi golongan belia. Setiap tingkah laku mereka di dalam jiwa mereka.

Kerajaan juga tambah perlu melipatgandakan prokes kesedaran terutama yang mempunyai nilai kenegaraan terhadap golongan belia. Hal bertujuan memastikan nada didedahkan dengan input mampu mengukuhkan rasa dan sayang akan tanah air walaupun apa-apa pun yang berlaku.

"Kerajaan perlu melihat ke modul pembelajaran terutamanya mata pelajaran Sejarah di sekolah Pendidikan berkaitan dengan kenegaraan perlu dititikberatkan sejak di bangku sekolah agar seperti ini tidak berulang kemana-mana," terangkan Dr. Sarjit S. Gill.

Bagi Presiden Majlis Belia Malaysia, Mohamed M. Mohamed Rapiee, belia mempunyai sikap suka pada cabaran, agas dan inginkan sesuatu yang berlawanan daripada kebiasaan. Hal ini menyebabkan belia mudah terdedah kepada pengaruh yang berentuk negatif atau positif.

"Sesetengah orang ada berfikir secara analitis akan baik tentang baik buruk sebelum melakukan tindakan, segelintir



“Tanpa mengira bangsa, agama, dan pangkat, Jalur Gemilang perlu dihormati.”

pula bertindak tanpa berfikir panjang yang menyebabkan kesannya seperti yang berlaku pada malam tersebut,” jelasnya.

Sambunganya, jiwa beliau yang rapuh ini mudah diprovokasi dengan kepercayaan palsu yang menyebabkan mereka terpengaruh dengan pelbagai perkara yang mampu merosakkan pemikiran mereka. Rasa teruja dengan kejayaan serta kebangkitan golongan muda di luar negara turut menjadi titik tolak rasa keinginan untuk menentang apa-apa yang menghalangi hajat mereka.

“Belia negara ini kebanyakannya sudah didedahkan dengan beberapa siri ceramah tentang kejayaan golongan belia yang membawa perubahan pemerintahan terutama di Timur Tengah. Kebangkitan ini menyebabkan mereka turut sama teruja dan ingin melakukan perubahan dalam sistem pemerintahan negara,” ujamnya lagi.

Sejak pemsanuan Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA) dan Akta Hasutan yang diumumkan kerajaan, dilihat masyarakat

terutama mereka yang cuba berselindung di sebalik kebangkitan belia ini kian aktif menggunakan belia untuk menentang kerajaan.

Bagi Maliki, keterbukaan kerajaan memansuhkan akta tersebut bukanlah sebagai medan untuk masyarakat berasa lebih mudah untuk menyuarakan pendapat dengan melakukan demonstrasi di jalanan ataupun berarak menuntut keadilan, tetapi ada platform yang lebih baik untuk menyuarakan pandangan kepada kerajaan.

“Saya tidak bersetuju bahawa ada sesetengah pihak yang mengatakan kerajaan tidak memberikan ruang yang secukupnya kepada belia untuk menyuarakan pendapat mereka. Tidak lama lagi negara bakal mempunyai Parlimen belia yang merangkumi 222 buah kawasan di seluruh negara dan sekarang pun platform untuk mendengar suara belia dibuka seluas-luasnya oleh kerajaan,” tegasnya.

Bagi Tokoh Sejarah Negara, Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim pula, tindakan segelintir anak muda pada malam tersebut

Golongan belia pada zaman ini semakin tidak mengerti nilai dan simbol sesebuah negara terutama bendera. Sepatutnya bendera negara dijulang dan diangkat setinggi-tingginya bukannya berarak dan mengibarkan bendera baharu seolah-olah menindakkan bendera terdahulu.





Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim

menunjukkan mereka tidak faham dan tidak mengerti nilai sebuah bendera. "Mereka tidak faham siapakah yang memilih sesebuah negara itu dan mengapakah bendera itu dipilih," jelasnya.

Bagi sesebuah negara yang mengamalkan prinsip demokrasi, apa-apa keputusan yang dibuat ditentukan oleh suara majoriti rakyat. Tambahnya, perlakuan yang tidak bermoral itu melibatkan sebilangan minoriti yang tidak memahami sesuatu tindakan atau keputusan itu dibuat.

"Apabila golongan minoriti ini tidak memahami konsep yang dibawa oleh sebuah negara demokrasi, hal ini menyebabkan mereka mudah dihasut dan tindakan tersebut juga merugikan bagi sebuah negara bangsa, seperti Malaysia," terangnya.

Tegasnya, kerajaan perlu mencari jalan penyelesaian agar

keadaan ini tidak berlarutan dan menjadi lebih parah. Beliau turut meminta kerajaan melalui Pelan Transformasi Pendidikan yang baru diperkenalkan menitikberatkan isu dan perihai berkaitan dengan kenegaraan serta modul yang dapat memberikan pemahaman yang menyeluruh mengenai sejarah dan demokrasi yang diamalkan di negara ini.

Dalam merealisasikan impian untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020, cabaran perdana yang paling utama yang perlu diatasi ialah pemikiran dan pemahaman belia. Mereka menjadi aset negara yang penting pada masa hadapan selain penyumbang warisan yang ditinggalkan oleh nenek moyang terdahulu.

Jika minda dan pemikiran serta jiwa mereka masih lagi belum benar-benar matang dalam tindakan, berkemungkinan negara mengalami sindrom ketirisan bakal pemimpin.

Kita mahu melihat belia yang agresif, pintar, dan kreatif menilai sesuatu peluang dan menyelesaikan masalah secara berhemah, bukan seperti yang dilakukan oleh sesetengah belia di luar negara yang apabila permintaan mereka tidak dipenuhi, perarakan, tunjuk perasaan, mogok ekstrem terhadap pemerintah menjadi jalan terakhir yang difikirkan terbaik bagi golongan ini.



Belia penggerak kemajuan negara.

Belia Semakin Matang Berfikir? Memetik kata Khairun Nisa, penerima anugerah Malaysian Bayer Young Environmental Envoy dan CLEO's Young Achiever 2010, apa-apa yang dilakukan oleh kerajaan sekarang menjadi warisan yang bakal digalas oleh belia pada masa depan. Jadi, segala tindakan yang dilakukan perlulah seimbang dan memikirkan kesan langsung golongan belia pada masa hadapan.

Petikan tersebut ada benarnya kerana jika generasi muda sekarang sudah tersilap langkah, hal ini akan membawa padah kepada generasi pada masa depan. Dengan kemajuan dunia dan kecanggihan teknologi, segala input yang positif dan negatif mudah diterima, lantaran memerlukan "tapisan" pemikiran yang logikal daripada penerima input tersebut.

Bagi Presiden Mycorps, Mohd. Asraff Abdul Rahman, adalah mustahil bagi belia di negara ini bertindak sedemikian rupa. Tidak dinafikan belia sekarang semakin bijak berfikir dan mudah menerima input daripada pelbagai sumber.

"Kemudahan teknologi dan dunia tanpa sempadan menyebabkan golongan belia boleh menilai dengan lebih matang tentang apa-apa yang

diutarakan. Generasi yang dikenali sebagai generasi Y ini sangat berbeza pemikirannya dan kadang-kadang sukar diramal tindakannya," jelasnya.

Generasi yang berminda terbuka juga lebih gemar jika fikiran dan idea mereka diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak tertentu. Mereka juga suka sekiranya peluang yang diberikan dilakukan sendiri tanpa bantuan orang lain. Hal inilah yang menyebabkan mereka berasa terkongkong sekiranya tindakan dan idea yang diberikan dipantau oleh orang lain.

Berbeza daripada sesetengah belia, mereka mempunyai pandangan yang berbeza berhubung tindakan sesetengah rakan mereka yang bertindak tanpa berfikir panjang.

Bagi Mohd. Fadzlan Abdul Razak, 32 tahun, belia mudah dihasut dan gemar memberontak merupakan perkara biasa. Begitu pun, tindakan tersebut haruslah dipandang serius kerana dalam keadaan yang begitu, ada pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan untuk kepentingan peribadi.

"Belia hanya mengenal nafsu, tetapi tidak pada akal fikiran. Atas kelemahan tersebut, ada pihak yang mengambil langkah mudah untuk

mengecap impian sendiri dengan menggunakan kekuatan belia. Mereka perlu bijak untuk menilai intan atau racun," jelasnya lagi.

Bagi Rosli Adam pula, memandangkan banyak maklumat yang boleh diperoleh dengan mudah melalui internet, pengaruh, dan tindakan yang berlaku di luar negara turut memainkan peranan untuk membangkitkan semangat melawan.

"Darah panas golongan belia kadang-kadang sukar dikawal. Lebih-lebih lagi sekiranya buah fikiran mereka tidak dipedulikan," ujarinya melalui komen di laman Facebook.

Hukuman yang Setimpal
Di Hong Kong, pada 2 Disember 2003, dua orang aktivis yang bertindak memajak bendera China dibicarakan di mahkamah. Ng Kwok-hung dan Lau San-ching dituduh melakukan perbuatan tersebut ketika tunjuk perasaah yang diadakan pada 4 Mac 2003. Ng Kwok-hung turut didakwa membakar bendera China ketika



sambutan Hari Kebangsaan 2002. Akibat perbuatan tersebut, Ng Kwok-hung disabitkan kesalahan dan menerima hukuman penjara tertanggung selama tiga bulan. Meskipun undang-undang Hong Kong menetapkan bahawa kesalahan membakar bendera membawa kepada hukuman penjara selama tiga tahun.

Ternyata, Hong Kong memandang serius perbuatan mencemar kesucian bendera negaranya. Undang-undang menguatkuasakan undang-undang berhubung kehormatan bendera China dan Hong Kong diwujudkan ketika Hong Kong dipulangkan kepada China oleh Britain pada 1 Julai 1997. Lantaran itu, tiada sesiapa yang terlepas daripada menerima hukuman sekiranya menghina bendera kedua-dua buah negara tersebut, termasuk membakarnya.

Menilai perbuatan teruk itu sekumpulan remaja Malaysia yang bertindak memijak gambar Perdana Menteri, menukar bendera Jalur Gemilang serta menunjukkan

pungging kepada gambar Perdana Menteri, dan isterinya, timbul persoalan apakah bentuk hukuman yang sewajarnya dikenakan terhadap kelompok remaja terbabit?

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Aziz Zakaria, menjelaskan bahawa individu yang terlibat melakukan tindakan memijak gambar Perdana Menteri, menukar bendera Jalur Gemilang serta menunjukkan pungging, disiasat mengikut Akta Hasutan dan Seksyen 509 Kanun Keseksaan atas kesalahan melakukan perbuatan dengan maksud mengaibkan yang boleh dipenjarakan tidak lebih daripada lima tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Seharusnya insiden melampau tersebut menjadi pengajaran yang besar kepada seluruh belia di negara ini. Mereka perlu menyedari bahawa tanggungjawab mencorakkan negara terletak di bahu mereka. Lantaran itu, segala propaganda politik yang sengaja

dicetuskan oleh parti politik tertentu tidak diambil secara bulat-bulat oleh belia. Belia perlu bijak berfikir dan mengimbang kesan buruk akibat tindakan mereka. Jangan disebabkan segelintir remaja yang "tidak matang", akhirnya belia negara dilabel sebagai belia pelampau.

Semua belia perlu merenung kembali ucapan maaf secara terbuka yang dibuat oleh ayah kepada pesalah remaja yang terlibat.

A. Rahman Abdullah, 53 tahun, bapa kepada seorang pelajar kolej swasta yang diambil keterangannya oleh polis berhubung kejadian menayangkan pungging terhadap gambar pemimpin negara pada sambutan ambang merdeka di Dataran Merdeka lalu melahirkan kekesalan terhadap tindakan anaknya. Menurut A. Rahman, dia masih terkejut dengan apa-apa yang telah berlaku.

"Saya terkejut sewaktu mendapat perkhbarian ini. Saya percaya bahawa anak saya terpengaruh dengan rakan sebaya atau mungkin dipergunakan oleh pihak tertentu. Sepatutnya, dia lebih menumpukan masanya terhadap pelajaran," katanya dalam nada kesal ketika ditemui pemberita di rumahnya di Batu Pahat, Johor.

Beliau turut menasihati anak muda agar tidak mudah terpengaruh dengan rakan atau mana-mana pihak sehingga boleh menjejaskan ketenteraman awam mahupun masa depan sendiri. Tambahnya lagi, apa-apa yang dilakukannya oleh anaknya perlu dijadikan iktibar agar tiada lagi remaja yang bertindak sedemikian.

"Saya mewakili anak saya, ingin memohon maaf kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya kepada Perdana Menteri dan isteri terhadap perlakuan anak saya. Saya berdoa agar anak saya insaf dan mengambil iktibar daripada kejadian tersebut," jelasnya. □



Belia negara sewajarnya mendukung dan merealisasikan wawasan negara